

31 MAY 2003

Pertanian-Peruntukan (Fokus Berita)/I

SUNTIKAN UNTUK SEKTOR PERTANIAN DALAM PAKEJ EKONOMI TERBARU

Oleh: S. Retnanathan

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Pakej rangsangan ekonomi terbaru berjumlah RM7.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas akan memberikan manfaat secara langsung kepada kira-kira 6,000 nelayan yang merupakan antara golongan yang terlibat dengan bidang pertanian.

Golongan nelayan itu akan memperolehi bot menangkap ikan yang baru, pukot dan peti sejuk untuk menyimpan hasil tangkapan mereka, sekaligus membuka laluan bagi mereka meningkatkan pendapatan bulanan daripada RM500 sebulan pada masa ini kepada RM3,000 sebulan.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), iaitu badan kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan nelayan di negara ini, merasakan bahawa suntikan modal kepada Dana Nelayan itu akan membantu meringankan bebanan hidup nelayan berkenaan.

Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi baru-baru ini mengumumkan bahawa kementerian itu akan memperolehi sebahagian besar dari pakej ekonomi berkenaan yang berjumlah lebih RM2.977 bilion dan peruntukan itu akan disalurkan kepada 13 agensi kerajaan yang dikendalikan di bawah Kementerian Pertanian.

Kementerian itu, katanya, akan menyuntik RM75 juta kepada Dana Nelayan yang akan memberikan manfaat kepada kira-kira 6,000 nelayan di seluruh negara. Daripada jumlah nelayan itu, dianggarkan sebanyak 12 ton pendaratan ikan yang bernilai RM18 juta akan dihasilkan.

Beliau berkata kementerian itu, menerusi Dana Infrastrukturnya, juga akan menerima kira-kira RM17 juta bagi memperbaiki sejumlah 77 jeti selain membina 27 buah jeti yang baru.

"Ini secara aktifnya akan mempertingkatkan infrastruktur semua Persatuan Nelayan Kawasan bagi membolehkan mereka mendapat infrastruktur yang lebih baik yang akan memberikan faedah kepada 84,000 nelayan di seluruh negara," kata Effendi pada majlis makan tengah hari bersama media Khamis lepas.

Selain itu, sejumlah RM25 juta lagi akan digunakan oleh LKIM bagi membina terumbu buatan konkrit di 124 lokasi, yang berupaya memberikan faedah secara langsung bagi meningkatkan bekalan ikan, sekaligus meningkatkan jumlah tangkapan terutamanya kepada 30,000 nelayan tradisional.

Effendi berkata pakej rangsangan itu juga akan menyediakan RM700 juta bagi pembelian kapal nelayan laut dalam sebagai tambahan kepada 740 kapal seumpamanya yang sudahpun beroperasi.

"Bot-bot ini menggunakan peralatan terbaru dan nelayan dapat tinggal lebih lama di laut bagi meningkatkan hasil tangkapan mereka. Kami akan membina kira-kira 200 kapal nelayan laut dalam bagi kumpulan pertama dan bot-bot ini akan menghasilkan 60,000 ton ikan setahun yang bernilai RM200 juta," kata beliau.

Kementerian Pertanian juga memandang serius terhadap masalah kolam terbiar, yang mempunyai potensi akuakultur. Dianggarkan terdapat kira-kira 2,600 kolam terbiar di seluruh negara.

Sebagai permulaan, kementerian itu berhasrat memulihkan semula 1,200 kolam terbiar meliputi kawasan seluas 350 hektar yang membabitkan 500 penternak haiwan peliharaan.

"Kos untuk memulihkan semula kolam-kolam ini ialah kira-kira RM12.6 juta dan kami menjangkakan pendapatan sebanyak RM27 juta sebaik sahaja

kolam-kolam ini dirawat dan beroperasi sepenuhnya," kata beliau lagi.

Pakej rangsangan itu turut disalurkan kepada Jabatan Parit dan Saliran iaitu kira-kira RM150 juta untuk mempertingkatkan infrastruktur di kawasan penanaman padi seluas 60,000 hektar dan kawasan pertanian kekal seluas 700,000 hektar.

Sejumlah 190,000 peladang akan mendapat manfaat dari pelaburan ini dengan jangkaan tuaian padi meningkat dari lima ton sehektar kepada tujuh ton sehektar manakala pendapatan peladang pula naik dari purata RM750 sebulan kepada RM1,200 sebulan.

Satu lagi jabatan yang akan menerima durian runtuh di bawah pakej rangsangan ekonomi itu ialah Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang akan menerima RM42.7 juta untuk membangunkan pelbagai sektor dalam industri penternakan dan industri hilirannya.

Jabatan itu akan memberikan tumpuan kepada pengeluaran daging lembu, ayam itik, susu dan makanan ternakan.

Sejumlah 173 orang akan terlibat dalam pemeliharaan haiwan ternakan secara komersial dengan 64 peratus daripada mereka dalam pengeluaran daging lembu, 20 peratus dalam pengeluaran susu manakala enam peratus lagi dalam pengeluaran daging kambing.

Jabatan itu juga merancang melaksanakan projek penternakan lembu bersepadu di ladang-ladang sawit dan getah dengan setiap peserta diberikan peruntukan RM10,000 untuk membeli haiwan ternakan serta peralatan yang berkaitan.

"Sebanyak 1,180 peserta akan mendapat faedah dari projek ini dan ia akan menjana tambahan antara RM300 dan RM500 sebulan bagi setiap orang," kata Effendi.

Lembaga Pertubuhan Peladang pula akan menerima RM57 juta untuk melaksanakan projek-projek bagi 75,400 peladang di seluruh negara.

"Daripada 75,400 peladang ini, 200 orang akan diberi galakan untuk menceburi pertanian komersial berskala besar.

"Pendapatan bersih mereka dijangkakan sebanyak RM2,500 sebulan manakala pengeluaran ladang bernilai RM114 juta dijangka diperolehi dari projek ini," katanya.

Jika segala-galanya berjalan lancar, Kementerian Pertanian akan menjadi sebuah agensi yang menghasilkan pulangan wang kepada negara.

"Peruntukan RM2.977 bilion ini, jika digunakan dengan sebaik-baiknya, berupaya menjana hasil bernilai RM5 bilion dan membawa manfaat kepada 400,000 peladang, nelayan dan penternak serta pekebun kecil di negara ini," kata Effendi.

-- BERNAMA  
SR KHY ROS